

25 November 2020

Sutradara Lakar Nama Peringkat Global



Sutradara kelahiran Alor Setar, Kedah, Chong Keat Aun mengetengahkan dialek Hokkien, Melayu-Kedah dan Siam dalam filem sulung arahannya, The Story of Southern Islet. - Foto Chong Keat Aun

KUALA LUMPUR: Kejadian mistik berlaku pada keluarga yang diangkat dalam filem The Story of Southern Islet membawa tuah buat sutradara, Chong Keat Aun apabila meraih kejayaan besar menerusi anugerah antarabangsa.

Filem The Story of Southern Islet yang mengetengahkan dialek Hokkien, Melayu-Kedah dan Siam dibintangi Season Chee, Pearly Chua, Jojo Goh, Mei-Sim Hoon dan Ling Tang itu merangkul Anugerah Filem Terbaik menerusi Istanbul Film Awards (IFA) di Turki pada September lalu.

Terbaharu, Keat Aun diangkat Pengarah Baharu Terbaik di Festival Filem Golden Horse Ke-57 yang berlangsung di Taipei, Taiwan pada 21 November lalu.



Tidak hanya itu, filem yang diinspirasi menerusi kisah keluarganya sendiri turut membawa pulang trofi International Federation of Film Critics (FIPRESCI) pada malam itu.

Keat Aun bukan hanya pengarah, malah berlakon dan menulis skrip untuk filem yang turut dicalonkan bagi kategori Layar Asli Terbaik anugerah itu.

Menyifatkan ia adalah satu penghargaan besar baginya yang kali pertama menghasilkan filem berskala besar, Keat Aun berkata, kejayaan itu mendorongnya untuk terus menghasilkan filem yang mengetengahkan keunikan budaya majmuk di Malaysia.

"Saya lihat kita seperti kekurangan filem yang mengetengahkan kecantikan budaya di Malaysia selepas pemergian pengarah tersohor, Allahyarham Yasmin Ahmad.

"Apabila saya mengetengahkan keunikan budaya Cina, Melayu dan Siam di Malaysia dan mendapat perhatian peringkat antarabangsa, ia secara tak langsung memberikan semangat untuk meneruskan legasi yang ditinggalkan oleh Allahyarham Yasmin. Saya akan berusaha untuk menghasilkan filem yang mencerminkan masyarakat Malaysia," katanya kepada BH Online.

Festival Filem Golden Gorse Ke-57 yang dianjurkan sejak 1962 dianggap antara anugerah filem paling berprestij di dunia pawagam berbahasa Cina. Bagaimanapun, anugerah berkenaan diadakan secara fizikal pada 21 November di Dewan Peringatan Sun Yat-sen, Taipei.

Keat Aun tidak melepaskan peluang hadir pada majlis anugerah selepas dua minggu menjalani tempoh kuarantin di Taipei sejak 29 Oktober lalu. Dia kembali ke Malaysia pada 23 November lalu, seterusnya menjalankan kuarantin selama 14 hari di Kuala Lumpur.

"Selepas menjalani tempoh kuarantin selama dua minggu di Taipei sehingga 13 November, saya menghadiri tayangan perdana filem. Sepatutnya tayangan perdana itu diadakan di Kuala Lumpur, tetapi sebabkan pandemik COVID-19, ia berlangsung di Taipei.

"Sebanyak lima filem ditayangkan dan berjaya meraih kira-kira 1,500 penonton. Dalam masa yang sama, filem The Story of Southern Islet juga diiktiraf sebagai Filem Terbaik oleh Network For The Promotion Of Asia Pacific Cinema (NETPAC)," katanya.





Filem The Story of Southern Islet arahan Chong Keat Aun mengambil inspirasi menerusi kisah mistik keluarganya menang besar dalam beberapa anugerah antarabangsa. - Foto Ihsan FINAS

Mengulas mengenai jalan cerita yang diinspirasi daripada kisah keluarganya, Keat Aun berkata, filem The Story of Southern Islet adalah pengalaman diceritakan oleh ibu mengenai bapanya yang menghidap penyakit misteri.

"Kisah mistik ini berlaku di kampung halaman di Alor Setar, Kedah. Ia adalah kisah benar yang terjadi kepada keluarga saya.

"Bapa menghidap satu penyakit yang sukar dijelaskan ketika saya berusia 10 tahun. Ibu berusaha mencari doktor, bomoh dan pelbagai jenis ubat untuk mengubatnya. Kesusahan ibu dalam usaha memulihkan bapa menjadi inspirasi untuk saya menghasilkan filem ini.

"Ia bukan kisah seram, sebaliknya banyak kejadian dan drama air mata sepanjang usaha untuk menyembuhkan bapa yang kini berusia hampir 80 tahun," katanya.

Keat Aun berkata, apa yang menarik, filem berkenaan memaparkan keunikan tiga budaya yang tinggal di sempadan Kedah dan Thailand.

Katanya, paling istimewa hasrat menghasilkan filem The Story of Southern Islet datangnya daripada arwah Yasmin yang juga teman baiknya.



"Sebenarnya, arwah Yasmin memberi idea dan sokongan untuk saya menghasilkan filem ini. Sepatutnya, ia dihasilkan pada 2010, tetapi saya hilang semangat selepas pemergiannya. Sehingga 2017, baru semangat untuk merealisasikan filem kembali menjelma," katanya.

Sementara itu, mengimbas kembali kerjayanya, Keat Aun berkata, dia sebelum ini terlebih dahulu dikenali sebagai penyampai radio di Ai FM, RTM.

"Saya bekerja sebagai juruhebah di Ai FM selama 12 tahun. Saya mengambil keputusan berhenti dan fokus pada dunia perfileman, tiga tahun lalu.

"Disebabkan itu, saya mula fikir untuk menghasilkan filem sejak 2017. Saya adalah graduan dalam jurusan perfileman, Universiti Lim Kok Wing dan Kolej Tunku Abdul Rahman.

"Malah, saya banyak mengendalikan segmen perfileman ketika bertugas di stesen radio Ai FM. Arwah Yasmin antara tetamu undangan yang paling kerap dipanggil. Menerusi segmen temubual bersamanya, saya berjaya diangkat DJ Radio Terbaik di Anugerah Seri Angkasa pada 2011," katanya.

